

MAHATHIR - HOTEL

(I)

KUCHING, 20 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA PENGUSAHA HOTEL DI NEGARA INI SUPAYA MENGIKLANKAN BUKAN SAHAJA KESELESAAN HOTEL MEREKA TETAPI JUGA KEINDAHAN KAWASAN SEKITARNYA.

KATANYA, USAHA SEPERTI ITU BUKAN SAHAJA MENARIK PARA PELANGGAN TETAPI SECARA TIDAK LANGSUNG MENGGALAKKAN ORANG RAMAI MENGUNJUNGI TEMPAT-TEMPAT BERKENAAN.

KETIKA MERASMIKAN CAWANGAN BARU HOLIDAY INN BERHARGA \$70 JUTA DI SINI, BELIAU BERKATA, HOTEL-HOTEL BIASANYA MENGIKLANKAN KESELESAAN BILIK-BILIK TIDUR SAHAJA TETAPI TIDAK MENGIKLANKAN KECANTIKAN Pemandangan di negara ini.

MEREKA SEHARUSNYA MELAKSANAKAN PENGIKLANAN BENTUK INI JIKA HENDAK MENARIK MINAT PARA PELANCONG DI SAMPING MEMBANTU KERAJAAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA MEMPUNYAI BANYAK TEMPAT MENARIK YANG BOLEH MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN. -- LAGI
1754MST 20 08 85

MAHATHIR - HOTEL 2 KUCHING

(I)

KETIKA MENYEBUT LAWATANNYA KE HONG KONG DAN MACAU BARU-BARU INI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU DIBAWA MELAWAT SEBUAH KUIL CINA YANG DIANGGAPNYA SEBAGAI SEBUAH TEMPAT BIASA SAHAJA, TETAPI PARA PELANCONG LUAR NEGERI BEGITU TERTARIK DENGAN TEMPAT ITU.

+INI MENUNJUKKAN BAHAWA MALAYSIA YANG MEMPUNYAI BEBERAPA TEMPAT MENARIK DAN UNIK BOLEH MENARIK MINAT PARA PELANCONG LUAR NEGERI KE NEGARA INI,+ UJARNYA.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAGAIMANA MALAYSIA BOLEH MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG DARI JEPUN, ARAB DAN FINLAND.

KATANYA, ORANG-ORANG JEPUN SUKA BERMAIN GOLF, ORANG-ORANG ARAB SUKA PADA HUJAN, SUNGAI DAN ANAK-ANAK SUNGAI, MANAKALA ORANG-ORANG FINLAND GEMAR PADA CUACA PANAS DAN PANTAI-PANTAI BERPASIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN HOTEL-HOTEL BERTARAF MEWAH DIGALAKKAN, TETAPI PARA PENGUSAHA HOTEL PERLU MENYEDARI BAHAWA ORANG RAMAI YANG MELANCONG BUKAN UNTUK MELIHAT HOTEL-HOTEL.

HOTEL-HOTEL YANG DIBINA DI NEGARA INI TIDAK SEHARUSNYA UNTUK ORANG-ORANG KAYA SAHAJA TETAPI JUGA UNTUK MEREKA YANG GEMAR MENGEMBARA. -- LAGI
1758MST 20 08 85

MAHATHIR - HOTEL 3 KUCHING

(I)

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI GEMBIRA KERANA HOTEL-HOTEL SEPERTI HOLIDAY INN DI SINI MENYEDARI KEPERLUAN UNTUK MENARIK MINAT PELBAGAI JENIS PELANCONG.

DALAM UCAPANNYA, KETUA MENTERI SARAWAK, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD BERKATA, BEBERAPA BUAH HOTEL DENGAN 1,000 BUAH BILIK AKAN DIBINA DI SARAWAK DALAM MASA LIMA TAHUN AKAN DATANG.

KATANYA, NEGERI ITU MEMPUNYAI HARAPAN CERAH UNTUK MENJADI TUMPUAN PELANCONG DI NEGARA INI KERANA MEMPUNYAI BEBERAPA KEUNIKAN SEPERTI RUMAH-RUMAH PANJANG DAN GUA-GUA BESAR.

PENGERUSI KUCHING HOTELS SDN BHD, DATUK HAJI BUJANG MOHD NOR BERKATA, HOLIDAY INN BERCADANG MENGURANGKAN KADAR HOTEL ITU DARIPADA 10 HINGGA 15 PERATUS BAGI PARA PENIAGA DAN 30 PERATUS BAGI PARA PELANCONG. -- BERNAMA
1810MST 20 08 85